

28/03/1998

Umno akan kalah: Dr M (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Kamarudin Mat Akib

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran, Umno akan kalah dalam pilihan raya umum jika rakyat yang bukan ahli parti itu memandang jijik dan kotor terhadap imej Umno.

Presiden Umno itu berkata, sudah ada orang yang mula benci serta memandang jijik terhadap parti itu dan pemimpinnya kerana terlalu ghairah merebut jawatan dalam parti dengan melakukan rasuah.

Menurutnya, kekecewaan bukan ahli Umno terhadap parti itu dan sesetengah pemimpinnya, jika dibiarkan berterusan, bukan sahaja menjejaskan imej parti, malah boleh menyebabkannya kalah dalam pilihan raya.

"Kita bimbang, orang akan benci dan jijik dengan Umno jika wujud amalan rasuah ketika pemilihan parti sehingga pemimpin rasuah pun masih dipilih.

"Oleh itu, ahli Umno perlu menjaga imej parti supaya ia tidak dipandang jijik dan kotor oleh pengundi bukan ahli ketika pilihan raya umum nanti," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Kubang Pasu di Dewan Jitra hari ini.

Sejak minggu lalu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dilaporkan menahan ahli Umno di beberapa bahagian seluruh negara untuk disoal berhubung dakwaan rasuah ketika pemilihan peringkat bahagian yang diadakan sekarang.

Dr Mahathir, yang juga Ketua Umno bahagian Kubang Pasu berkata, adalah penting ahli parti menjaga imej Umno supaya sentiasa bersih untuk memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Menurutnya, sudah wujud kemerosotan budaya dan nilai murni dalam Umno dan cara untuk memulihkannya ialah dengan menyingkir orang yang terbabit dengan rasuah.

"Umno bersedia kehilangan sebahagian ahlinya dengan menyingkir mereka yang terbabit dalam rasuah bagi menjaga imej parti. Demi masa depan orang Melayu dan negara, Umno perlu dibersihkan daripada golongan ini," katanya sambil mengulangi kesediaan Umno menyingkir mereka daripada parti tanpa mengira kedudukan walaupun selepas memenangi jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian sekarang.

"Kita akan ambil tindakan terhadap sesiapa yang didapati terlibat dengan rasuah...kita akan singkirkan daripada parti. Lebih baik kita ada parti yang bilangan ahli kurang dengan kemungkinan kalah teruk (dalam pilihan raya) asalkan parti boleh bersih," tegasnya.

Selain Dr Mahathir, yang kekal sebagai ketua bahagian, bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff turut dikekalkan sebagai timbalan ketua bahagian, tanpa bertanding.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, politik wang dalam Umno menunjukkan tanda-tanda pemulihan apabila ada ahli yang berani membuat laporan polis dan BPR apabila mereka disogok.

"Keadaan bertambah baik walaupun kadang-kadang ada yang buat laporan untuk tujuan lain tetapi hakikatnya ada orang yang buat laporan. Itu mereka menolak sogokan, tetapi kerana kita adakan pemilihan tahun ini, nampak banyaklah kes macam itu.

"Kalau kita tidak ada pemilihan, kita tidak tahu. Saya berpendapat ada tanda-tanda baik sebab orang yang sogok tak dapat undi (kalah)," katanya.

Mengenai cadangan mengkaji semula cara pertandingan memilih pemimpin di peringkat bahagian, Presiden Umno itu berkata, kaedah pengundian yang diamalkan sekarang adalah terbaik selaras amalan demokrasi walaupun ia mempunyai kecacatan dan mungkin menghalang penubuhan kerajaan yang berkesan.

Sehubungan itu, katanya, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan beliau sendiri sedang mengkaji beberapa kaedah, termasuk kemungkinan menetapkan supaya calon yang menerima bilangan pencalonan tertentu sahaja, layak bertanding.

(END)